



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 650

AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961

Mengandungi segala pindaan hingga 30 Mac 2006

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Loan (Local) Act 1961. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan

AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961

Pertama kali diperbuat 1961 (Akta No. 18 tahun
1961)

Disemak 2006 (Akta 650 m.b.p.
30 Mac 2006)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 650

AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMBENARAN DAN PENGGUNAAN PINJAMAN

3. Kuasa memperdapatkan pinjaman
4. Penggunaan pinjaman
5. Tanggungan wang pokok dan bunga

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI TERBITAN DAN PENDAFTARAN SAHAM

6. Penerbitan dan bentuk saham
7. Penolakan permohonan
8. Daftar Saham
9. Pembayaran bunga
10. Fi yang kena dibayar kepada Bank

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENEBUSAN SAHAM

Seksyen

11. Penebusan saham
12. Pembayaran balik saham
13. Penyerahan saham atas pembayaran balik

BAHAGIAN V

AM

14. Penerimaan deposit pendahuluan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 650****AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961**

Suatu Akta untuk membenarkan suatu jumlah wang yang tidak melebihi satu ratus juta ringgit pada satu-satu masa yang hendak diperdapatkan di Malaysia dengan cara pinjaman.

*[Semenanjung Malaysia—25 Mei 1961;
Sabah dan Sarawak—20 Mei 1965]*

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pinjaman (Tempatan) 1961.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“deposit pendahuluan” ertinya apa-apa deposit yang diterima di bawah subseksyen 14(1);

“Bank” ertinya Bank Negara Malaysia;

“Gabenor” ertinya Gabenor Bank;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

BAHAGIAN II

PEMBENARAN DAN PENGGUNAAN PINJAMAN

Kuasa memperdapatkan pinjaman

3. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa memperdapatkan, melalui terbitan saham mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta ini, apa-apa jumlah wang yang ditentukannya, dengan syarat bahawa jumlah amaun saham yang diterbitkan dan tidak ditebus itu tidak boleh melebihi jumlah satu ratus juta ringgit pada satu-satu masa.

(2) Pinjaman yang dengan ini dibenarkan hendaklah diperdapatkan di Malaysia melalui terbitan saham berdaftar di bawah Bahagian III.

(3) Semua saham yang diterbitkan di bawah Akta ini boleh ditebus dalam tempoh tidak melebihi lima tahun dari tarikh penerbitan.

Penggunaan pinjaman

4. Wang yang diterima bagi saham yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah digunakan, dan dengan ini diuntukkan, bagi maksud yang berikut:

- (a) menjelaskan perbelanjaan yang berhubungan dengan penerbitan saham itu atau yang berbangkit daripada penerimaan deposit pendahuluan di bawah Bahagian V;
- (b) pembayaran, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Dewan Rakyat yang dinyatakan melalui ketetapan, ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], bagi maksud kumpulan wang itu; dan

- (c) penebusan saham yang diterbitkan di bawah Akta ini, setakat yang ditentukan oleh Menteri.

Tanggungjawab wang pokok dan bunga

5. Wang pokok dan bunga yang dirupakan oleh saham yang diterbitkan di bawah Akta ini dipertanggungjawabkan pada dan hendaklah kena dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI TERBITAN DAN PENDAFTARAN SAHAM

Penerbitan dan bentuk saham

6. (1) Saham yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah diterbitkan bagi pihak Menteri oleh Bank, mengikut apa-apa terma yang diluluskan oleh Menteri, dan hendaklah disahkan sama ada oleh tandatangan Gabenor, atau oleh suatu faksimile tandatangan itu, atau mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Gabenor.

- (2) Saham yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah mengikut bentuk yang diluluskan oleh Gabenor dari semasa ke semasa.

Penolakan permohonan

7. Mana-mana permohonan untuk mengambil saham yang diterbitkan di bawah Akta ini boleh ditolak oleh Gabenor tanpa memberikan sebab.

Daftar Saham

8. (1) Semua saham yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah dicatatkan dalam suatu daftar yang hendaklah disimpan bagi maksud

itu oleh Bank mengikut bentuk yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Gabenor.

(2) Semua saham yang diterbitkan di bawah Akta ini, dan hak untuk menerima wang pokok dan bunga yang dirupakan olehnya, boleh dipindahkan melalui surat cara pemindahan yang didaftarkan oleh Bank.

(3) Tiada saham yang diterbitkan di bawah Akta ini boleh didaftarkan kecuali atas nama orang perseorangan atau suatu perbadanan.

Pembayaran bunga

9. (1) Bunga ke atas wang pokok yang dirupakan oleh saham yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah dibayar setiap setengah tahun di pejabat Bank.

(2) Menteri hendaklah, dalam setiap tempoh setengah tahun yang berakhir pada hari yang bunga ke atas saham yang diterbitkan di bawah Akta ini kena dibayar, menguntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan suatu jumlah wang yang sama banyak dengan bunga untuk setengah tahun ke atas keseluruhan saham yang diterbitkan sedemikian supaya bunga bagi setengah tahun itu boleh dibayar daripadanya.

Fi yang kena dibayar kepada Bank

10. Menteri boleh menetapkan apa-apa fi yang difikirkannya munasabah bagi pelaksanaan oleh Bank apa-apa kuasa atau tugas yang diberikan atau dikenakan di bawah Akta ini, dan fi yang ditetapkan itu dipertanggungjawabkan pada dan diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENEBUSAN
SAHAM

Penebusan saham

11. Saham yang diterbitkan di bawah Akta ini boleh ditebus pada tara pada tarikh yang dinyatakan dalam prospektus, yang selepas tarikh itu semua bunga ke atas wang pokok yang dirupakan olehnya hendaklah terhenti dan tamat, sama ada pembayaran wang pokok itu dituntut atau tidak.

Pembayaran balik saham

12. Pembayaran balik segala wang pokok yang dirupakan oleh saham yang diterbitkan di bawah Akta ini pada masa apabila wang pokok itu genap masa hendaklah dibuat oleh Menteri daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Penyerahan saham atas pembayaran balik

13. Sebelum pembayaran balik wang pokok yang dirupakan oleh mana-mana saham yang diterbitkan di bawah Akta ini, saham itu hendaklah diserahkan kepada Bank bagi pembatalan.

BAHAGIAN V

AM

Penerimaan deposit pendahuluan

14. (1) Pada menjangkakan memperdapat apa-apa pinjaman di bawah kuasa Akta ini Menteri boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan penerimaan oleh Bank bagi pihak Persekutuan, deposit yang tidak melebihi amaun pinjaman itu.

(2) Deposit pendahuluan hendaklah digunakan untuk pembelian saham bagi pinjaman pertama yang dikeluarkan di bawah Akta ini selepas tarikh yang deposit itu diterima oleh Bank, melainkan jika seseorang pendeposit memberikan notis bertulis dalam masa tujuh hari selepas tarikh pengeluaran pinjaman itu bahawa dia mahukan deposit pendahuluan atau sebahagian daripadanya yang dibuat olehnya dibayar balik.

(3) Apabila seseorang pendeposit memberikan notis bahawa dia mahukan kesemua atau sebahagian daripada deposit pendahuluan yang dibuat olehnya dibayar balik, deposit atau sebahagian daripadanya itu yang dibuat oleh pendeposit itu hendaklah dibayar balik dengan serta-merta, tetapi tiada bunga boleh kena dibayar ke atasnya.

(4) Deposit pendahuluan yang digunakan untuk pembelian saham mengikut subseksyen (2) hendaklah membawa bunga pada kadar yang terpakai bagi saham itu yang dikira dari tarikh deposit itu diterima oleh Bank, dan apa-apa bunga hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan diuntukkan daripadanya.

(5) Apa-apa kuasa untuk melabur yang diberikan kepada seseorang melalui apa-apa surat cara atau undang-undang bertulis hendaklah termasuk kuasa untuk membuat deposit pendahuluan mengikut seksyen ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 650****AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 31 tahun 1963	Akta Pinjaman (Deposit Pendahuluan) 1963	12-09-1963
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 650****AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1961**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
14	Akta Pinjaman (Deposit Pendahuluan) 1963	12-09-1963
